

MODUL INTERVENSI EKONOMI K1 SPM

BAB 1 : PENGENALAN KEPADA EKONOMI

- 1 Antara berikut, sumber ekonomi manakah yang mempunyai mobiliti geografi?


- | | | | | | | | |
|---|----------|----|-----------|-----|-----------|----|------------|
| I | Modal | II | Buruh | III | Tanah | IV | Usahawan |
| A | I dan II | B | I dan III | C | II dan IV | D | III dan IV |

- 2 Matlamat pilihan yang dilakukan oleh sesebuah firma dalam ekonomi ialah
- A memastikan setiap pembeli mendapat kepuasan yang maksimum
- B memastikan keuntungan yang diperolehi oleh firma adalah maksimum
- C memastikan penggunaan sesuatu barang meningkatkan kebajikan pengguna
- D memastikan firma dan pembeli dapat menikmati sesuatu barang dengan baik
- 3 Maklumat berikut menerangkan masalah asas ekonomi bagi sesebuah Negara.

- Bagaimana hendak dikeluarkan telah ditetapkan dalam pasaran.
- Harga dan kuantiti sumber ekonomi ditetapkan dalam pasaran masing-masing kerana sumber ekonomi merupakan milikan pengguna dan pengeluar.

Apakah sistem ekonomi tersebut?

- | | |
|---------------------------|----------------------------------|
| A Sistem ekonomi Islam | C Sistem ekonomi pasaran bebas |
| B Sistem ekonomi campuran | D Sistem ekonomi perancang pusat |
- 4 Rajah di bawah menunjukkan satu keluk kemungkinan pengeluaran.



Pilih pernyataan yang benar menggambarkan titik Y

- A Faktor pengeluaran yang sedia ada digunakan sepenuhnya.
- B Tingkat pengeluaran berlaku pada tahap guna tenaga penuh
- C Faktor pengeluaran sedia ada tidak mencukupi untuk pengeluaran
- D Ekonomi gagal menggunakan faktor pengeluaran yang sedia ada dengan sepenuhnya


5 Maklumat berikut menunjukkan pilihan kaedah pengeluaran Syarikat Wira Berhad.

Keluaran (Unit)	Kaedah A	Kaedah B
Kerusi	800	300
Meja	550	900

Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat Wira Berhad, jika menukar kaedah pengeluaran daripada kaedah A kepada kaedah B?

- A 250 meja B 350 meja C 500 D 1100

6 Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP).



Rajah 1

Pernyataan manakah benar tentang KKP di atas?

- I Titik E menunjukkan pertambahan pengeluaran bagi barang X
- II Titik A,B dan C merupakan kombinasi pengeluaran yang paling optimum
- III Titik D menunjukkan ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh
- IV Titik A dan C merupakan had maksimum untuk pengeluaran barang X dan Y

- A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

7 Antara yang berikut, yang manakah merupakan andaian dalam analisis keluk kemungkinan pengeluaran?

- I Tingkat teknologi tetap
- II Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
- III Ekonomi mengeluarkan tiga jenis barang sahaja
- IV Sumber ekonomi yang dimiliki adalah pelbagai dan terhad

A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

8 Persamaan antara buruh dengan usahawan ialah

- I Kedua-dua menanggung risiko kerugian
- II Kedua-dua menerima upah sebagai ganjaran
- III Kedua-dua memberi sumbangan kepada ekonomi
- IV Kedua-dua merupakan faktor pengeluaran kepada proses pengeluaran

A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

Soalan 9 hingga 10 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

9 I Tanah yang tersedia adalah tidak terbatas

II Tanah mempunyai mobiliti tempat.

10 I Ekonomi pasaran bebas membolehkan pengguna dan pihak swasta membuat keputusan ekonomi

II 'Invisible hand' merujuk kepada kekuatan mekanisme pasaran dalam mengatur harga